



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 10 Disember 2025

Untuk Terbitan Media
10 Disember 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO SALUR BANTUAN MENERUSI SOCIAL SYNERGY KEPADA WARIS PENGHANTAR P-HAILING MAUT DIHEMPAP POKOK

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Muhammad Izzat Danish Sharil, 22 tahun, penunggang p-hailing yang meninggal dunia akibat dihempap pokok tumbang di Ayer Keroh, Melaka pada Sabtu lepas.

Menerusi satu kenyataan pada Rabu, PERKESO menegaskan bahawa pihaknya sentiasa berusaha sedaya upaya untuk membantu keluarga Allahyarham, selaras dengan mandat melindungi pekerja di negara ini.

Sehubungan itu, PERKESO akan merujuk kes menyayat hati itu kepada 117 agensi berkaitan melalui program *Social Synergy* selain mengadakan Ziarah Prihatin ke rumah keluarga mangsa.

"PERKESO akan mengumpul maklumat lengkap berkaitan bantuan yang boleh dimanfaatkan keluarga mangsa. Anggota juga menjadi pemudah cara, bagi memastikan bantuan sewajarnya disalurkan kepada mereka.

"Program *Social Synergy* merupakan inisiatif PERKESO sejak 2017 bagi menangani isu pertindihan dan keciciran bantuan melalui koordinasi pelbagai rakan agensi. Pendekatan ini memastikan bantuan bersesuaian dapat dikenal pasti, disalurkan dengan lebih cepat dan tersusun.

"Melalui *Social Synergy*, orang berinsurans dan waris tidak dibiarkan terkapai-kapai. Mereka dibantu melalui rangkaian perlindungan sosial yang lebih sistematik, komprehensif dan holistik dengan penyelesaian secara 'dari awal hingga ke akhir,' jelas PERKESO.

Dalam kenyataan sama, PERKESO turut mendoakan keluarga mangsa tabah menghadapi ujian berat itu dan menyatakan kesediaan untuk membantu keluarga dalam mendapatkan bantuan.

"Pemergian ini pastinya amat dirasai. PERKESO mendoakan agar keluarga Allahyarham terus tabah menghadapi ujian ini," menurut kenyataan tersebut.

Mengulas dakwaan bahawa waris tidak menerima bantuan PERKESO kerana caruman telah tamat, PERKESO menjelaskan bahawa caruman Allahyarham di bawah skim LINDUNG Kendiri yang dibayar secara pukal oleh penyedia perkhidmatan Grab adalah bagi tempoh 29 April 2024 hingga 28 April 2025, dan telah tamat pada April 2025.

Dalam pada itu, PERKESO berkata insiden menyayat hati sebegitu mencerminkan cabaran sebenar dihadapi pekerja gig, khususnya apabila perlindungan keselamatan sosial mereka bergantung sepenuhnya kepada caruman sendiri yang bersifat sukarela.

"Usaha kerajaan memperkenalkan RUU Pekerja Gig adalah untuk memastikan semua pekerja gig menerima perlindungan secara automatik melalui caruman mandatori yang diselaraskan bersama penyedia platform.

"Pelaksanaan caruman mandatori akan memastikan perlindungan tidak terputus, sekali gus membolehkan pekerja gig menikmati faedah keselamatan sosial yang setara dengan pekerja sektor formal sekiranya berlaku kemalangan, kecederaan atau kematian ketika bekerja.

"Insiden seperti ini mengingatkan kita bahawa pekerja gig turut terdedah kepada risiko setiap kali mereka berada di bekerja. RUU Pekerja Gig memainkan peranan penting dalam memastikan setiap pekerja dilindungi secara konsisten," menurut kenyataan itu.

PERKESO turut menyatakan sokongan kepada usaha kerajaan memperluaskan perlindungan sosial kepada sektor gig dan akan bekerjasama rapat dengan penyedia platform untuk memastikan pelaksanaannya berjalan lancar apabila dikuatkuasakan kelak.

"Perlindungan keselamatan sosial bukan lagi pilihan, tetapi keperluan. Pekerja gig layak mendapat jaminan yang sama seperti mana-mana pekerja lain di negara ini," tegas PERKESO.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
10 Disember 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi
Ikli Fatimah Kamal Redzuan
+6019-3273193
fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridaudin Daud
+6019-3265772
ridauidin.daud@perkeso.gov.my